

Ko-Kreasi Seni: Perihal

oleh
Mohamad Faizuan Mat



Ko-Kreasi Seni: Perihal

Mohamad Faizuan Mat





بالاى سنل نلارا
Balai Seni Negara
National Art Gallery

Penerbit

BALAI SENI NEGARA
No 2 Jalan Temerloh
Off Jalan Tun Razak
53200 Kuala Lumpur

T 603 4026 7000
F 603 4025 4987

www.artgallery.gov.my

Penulis Tamu

Hasnul Jamal Saidon
Mohd Fahmi Yahya

Reka Bentuk

Azwan Abidin

Ilustrasi

Mohd Faizol Haini

Editor

Dr. Mohamad Faizuan Mat

Penerbitan

Media LPSVN



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0914-64-0

**Ko-Kreasi Seni:
Perihal**

Edisi Pertama 2024 : Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan, dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara, elektronik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.

Tiada bahagian buku ini boleh digunakan atau diterbitkan dalam apa jua cara tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit dan penulis yang terlibat.

Cetak dan *bound* di Kuala Lumpur, Malaysia.

Typeface: Helvetica Neau, El Messiri & Funnel Display
Kertas: Simili 140 gsm

/ 06
Prakata

/ 08
Sinopsis



- isi Kand

BAB
01
/ 12
Perihal Ko-Kreasi

BAB
02
/ 22
Unsur-Unsur Utama
Dalam Ko-Kreasi Seni

BAB
03
/ 34
Teori Dan Model
Ko-Kreasi Seni





BAB
04

/ 76

Potensi Dan Peluang
Dalam Ko-Kreasi Seni

BAB
05

/ 96

Pelancongan Kreatif
Dan Konsep Ko-Kreasi

BAB
06

/ 122

Rumusan Tentang Perihal
Ko-Kreasi Seni

/ 130

Sumber
Rujukan

/ 132

Penghargaan

Bab 01: Perihal Ko-Kreasi Seni

Mohamad Fauzan Mat

Pengenalan

Kancah seni visual kontempori di Malaysia telah memaparkan pertumbuhan yang agak baik dengan pelbagai aktiviti dan program seni yang telah dijalankan. Aktiviti dan program ini tidak lagi terikat dengan penggunaan ruang galeri semata-mata tetapi juga mencapah dan melusuri ruang-ruang komuniti. Sehubungan dengan itu, ekosistem seni visual kontempori di Malaysia, memaparkan kewujudan banyak projek seni komuniti, seni penyertaan, *Corporate Social Responsibility (CSR)* dan sebagainya yang menggunakan seni sebagai medium pelaksanaannya.

01

Apa sebenarnya Ko-kreasi Seni?

Ko-kreasi adalah konsep yang berasal dari dunia pemasaran dan kajian pelanggan. Secara ringkasnya, ia menekankan pentingnya keajutan pelanggan dan bagaimana seseorang jenama dibentuk. Nonaka dan Hiroaka (1995) menekankan bahawa interaksi sosial merupakan asas dalam hubungan manusia, dan organisasi perlu melihat komuniti atau pelanggan sebagai sebahagian daripada proses perijinan. Ini bermakna, nilai dan makna yang terkandung dalam sesebuah jenama tidak hanya datang dari syarikat, tetapi juga dari interaksi antara syarikat dan pelanggannya. Galvagno dan Dalli (2014) pula menyokong pandangan ini dengan mengatakan bahawa ko-kreasi adalah satu pendekatan baru dalam pangsuan, di mana syarikat dan pelanggan bekerjasama dalam mencipta nilai melalui interaksi.

Secara umumnya, ko-kreasi merujuk kepada perubahan pemikiran di mana nilai tidak lagi ditentukan secara eksklusif oleh organisasi. Sebaliknya, ia terhasil daripada penyertaan bersama antara orang ramai dan organisasi dalam menjana dan membangunkan makna. Ini bermakna tahap penyertaan dan kolaborasi antara syarikat dan pelanggan adalah sangat tinggi dalam menghasilkan inovasi dan perkhidmatan baharu (Oeborno, et al., 2016; Ma et al., 2019).

Dalam dunia perniagaan, ko-kreasi sering digunakan untuk menghasilkan idea-idea baru, produk, dan perkhidmatan. Ini merujuk kepada perniagaan ko-kreasi dalam ekonomi kapitalis. Tetapi, bagaimana konsep ini boleh dikaitkan dengan dunia seni? Dalam seni penyertaan, seniman melibatkan penonton dalam proses penciptaan atau menjadikan mereka sebahagian daripada karya seni itu sendiri. Begitu juga, seni yang melibatkan sosial (*socially engaged art*) sering kali menggunakan kaedah ko-kreasi untuk berkolaborasi dengan komuniti. Walaupun konsep ko-kreasi berasal dari dunia perniagaan, ia sebenarnya memiliki potensi besar dalam dunia seni. Ko-kreasi menawarkan kelebihan dalam perkongsian pengalaman estetika yang mendalam, sesuatu yang mungkin kurang dititikberatkan dalam kaedah lain.

Meskipun ia bukan berasal dari bidang seni, ramai penggiat seni Barat telah mula menggunakannya. Konsep ko-kreasi boleh ditemui dalam pelbagai bidang, seperti melibatkan komuniti, pelanggan, pemegang taruh, dan penonton. Selagi terdapat interaksi, kolaborasi, dan usaha untuk mencipta makna

bersama, konsep ini tetap relevan. De Koning, Cruij, dan Weber (2016) menyatakan bahawa ko-kreasi kini menjadi istilah yang biasa digunakan dalam bidang rekabentuk dan pemasaran, serta mula digunakan dalam bidang lain dengan cara yang berbeza. Walaupun masih baru, konsep ini telah menarik minat ramai yang ingin memahami struktur ko-kreasi melalui model atau kerangka kerja yang telah dibangunkan.

Keterkaitan antara Seni dan Ko-kreasi

Konsep ko-kreasi telah mula mendapat perhatian dalam perbincangan mengenai seni penyertaan. Matarasso (2017) menjelaskan bahawa walaupun istilah ini baru-baru ini telah muncul dalam perdebatan seni, ia belum dijelaskan dengan terperinci. Seni penyertaan adalah praktik di mana orang lain turut serta bersama seniman dalam proses kreatif. Jika kita menganggap bahawa seni penyertaan membenarkan orang lain menjadi 'seniman' atau pencipta bersama, maka boleh dikatakan bahawa ia adalah satu bentuk ko-kreasi. Namun, Matarasso (2017) menimbulkan persoalan tentang sejauh mana kreativiti pihak lain yang dijemput dalam proses ini dapat menyumbang secara bermakna. Hal ini masih menjadi persoalan yang belum terjawab sepenuhnya. Meskipun istilah ko-kreasi tidak berasal dari dunia seni, ia berpotensi menjadi satu perubahan penting dalam cara seni berinteraksi dengan komuniti atau penonton.

Perbezaan utama antara seni penyertaan dan ko-kreasi terletak pada masa dan cara penyertaan berlaku. Seni penyertaan biasanya melibatkan orang awam setelah karya seni dicancah oleh seniman atau institusi seni. Sebaliknya, menurut Galvagno dan Dalli (2014), ko-kreasi melibatkan kerjasama dari awal, di mana semua pihak terlibat secara serentak untuk mencipta nilai baru, sama ada dalam bentuk material atau simbolik. Dalam konteks seni, ko-kreasi boleh dilihat sebagai proses kollektif dalam menghasilkan karya seni dari awal hingga akhir.

Selain itu, kaedah seni yang melibatkan sosial (*socially-engaged art*: SEA) juga sering digunakan untuk melibatkan komuniti dalam proses kreatif. Patti (2015) telah mendefinisikan SEA sebagai satu kaedah yang menekankan penyelesaian masalah, perancangan komuniti, dan mencipta ruang awam untuk memperkuat komuniti. Namun, SEA tidak memberikan komuniti peranan sebagai pencipta bersama dalam penghasilan karya seni; sebaliknya, tujuan utama adalah pemerkasaan komuniti, di mana

Bab 02: Unsur-Unsur Utama Dalam Ko-Kreasi Seni

Hasnul Jamal Saidon

02

Antara faktor yang perlu diambil kira dalam membentuk kolaborasi adalah seperti:

Pengertian Kolektif

Kolaborasi bermula dengan memilih individu atau kumpulan yang mempunyai pelbagai kemahiran, bakat, dan latar belakang. Ini mungkin melibatkan kurator, artis, pemuka projek, dan ahli komuniti. Selagi itu, penentuan peranan perlu dilakukan bagi memastikan bahawa setiap orang tahu akan sumbangannya dan bagaimana mereka akan bekerjasama antara satu sama lain.

Komunikasi

Komunikasi adalah sangat penting dalam konsep ko-kreasi seni. Komunikasi yang baik dengan menggunakan perbincangan terbuka di antara semua peserta untuk berkongsi idea, maklum balas, dan keupayaan. Komunikasi yang baik membantu mengatasi masalah awal dan mencegah konflik. Selagi peserta terus mendengar dan mengabaikan pandangan dan idea orang lain, walaupun mungkin berbeza dari pandangan peribadi mereka sendiri.

Perancangan dan Pengurusan

Dalam pelaksanaan kaedah ko-kreasi seni, adalah penting untuk menetapkan visi dan matlamat yang telah disetujui secara kolektif. Ini bagi memastikan bahawa semua peserta bekerja ke arah hasil yang sama dan memahami tujuan keseluruhan projek. Perkara ini juga termasuk mengahut, jadual, sumber, dan langkah-langkah yang diperlukan untuk mencapai matlamat projek. Perancangan yang baik membantu memastikan projek berjalan lancar dan mematuhi waktu yang ditetapkan.

Sumbangan Kreatif

Selagi peserta yang ada dalam projek ko-kreasi diberi peluang untuk menyumbang idea kreatif dan membangunkan idea dan kreativiti dari semua peserta. Dalam ko-kreasi seni, setiap individu mungkin mempunyai pendekatan atau gaya yang berbeza, dan proses kolaborasi membolehkan integrasi elemen-elemen tersebut ke dalam hasil akhir. Sumbangan idea kreatif dan inovatif ini juga didorong oleh kebebasan dalam bereksperimentasi. Kolaborasi memberi ruang untuk mencuba idea baru yang mungkin tidak pernah dipertimbangkan jika bekerja secara individu.

Penyediaan Masalah

Dalam konsep ko-kreasi, perbincangan dan konflik diselesaikan dengan cara yang konstruktif. Akan terdapat pelbagai kaedah untuk menyelesaikan isu yang timbul dalam proses kolaborasi. Kaedah ko-kreasi mampu menyediakan ruang dan peluang untuk menyelesaikan diri dengan perubahan atau cabaran yang timbul. Proses kolaborasi memerlukan fleksibiliti untuk mengubah pendekatan atau strategi apabila perlu.

Penilaian dan Maklum Balas

Kualiti kaedah ko-kreasi ialah ia harus dan perlu diuji dengan aspek penilaian. Contohnya penilaian berkala, kemajuan projek ditah secara berkala untuk memastikan bahawa ia berada pada landasan yang betul. Ini membantu mengidentifikasi dan mengingati masalah awal. Begitu juga, maklum balas konstruktif, ko-kreasi membolehkan dan memberi ruang untuk maklum balas diterima secara positif dan membina. Maklum balas membantu meningkatkan kualiti hasil akhir dan membolehkan proses ko-kreasi.

Penetapan dan Penghargaan

Ko-kreasi adalah tentang menghargai dan mengiktiraf sumbangan setiap peserta. Ini membantu memotivasi semua ahli kumpulan dan meningkatkan penghargaan terhadap usaha mereka. Dalam masa yang sama, pencapaian dan kejayaan bersama dititikberatkan. Kejayaan dan pengalaman dalam proses kolaborasi akan meningkatkan keyakinan untuk projek-projek yang akan datang. Dalam ko-kreasi seni, aspek kolaborasi bukan hanya tentang bekerja bersama, malah juga tentang membina hubungan yang saling mempercayai dan monopoli hasil yang lebih besar berbanda apa yang dapat dicapai secara individu.

Bentuk-bentuk Kolaborasi: Antara Seniman dengan Komuniti

Dengan pertumbuhan projek-projek seni komuniti hari ini, di Malaysia merupakan di luar negara, seniman atau artis sering melibatkan komuniti dalam kerja mereka. Sudah tentu, kita ingin melihat apakah bentuk-bentuk kolaborasi yang boleh kita lakukan bersama komuniti. Kolaborasi antara seniman dengan komuniti adalah proses di mana seniman bekerja bersama anggota komuniti untuk mencipta karya seni yang bukan

Kolaborasi dalam Ko-kreasi Seni

Unsur kolaborasi adalah tunjang utama dalam konsep ko-kreasi seni. Kolaborasi dalam konsep ko-kreasi seni adalah inti pati tentang bagaimana projek seni dilaksanakan secara bersama oleh beberapa individu atau kumpulan. Kolaborasi yang efektif memerlukan komunikasi yang baik, saling menghormati, dan kemahiran bekerja sebagai satu kolektif.

Bab 03: Teori dan Model Ko-Kreasi

Mohamad Faizuan Mat

Perkembangan Konsep Ko-Kreasi Seni di Malaysia

Konsep kolaborasi telah pun digunakan sekian lama dalam aktiviti penghasilan karya seni dan pameran seni di dunia barat. Dalam kancah seni visual di Malaysia, konsep atau kerangka kerja yang digunakan dalam aktiviti kolaborasi bersama komuniti masih lagi samar. Pendekatan atau kerangka kerja ini tidak begitu jelas samada ia dipersembahkan dalam terbitan bertulis mahupun secara verbal. Walaupun banyak kerjasama di antara seniman dan komuniti yang telah dijalankan, kita masih lagi terkapai-kapai dalam menentukan apakah pendekatan yang tepat yang boleh kita gunakan dalam projek seni dengan keterlibatan komuniti. Perkara ini sangat penting kerana setiap projek seni yang melibatkan komuniti boleh membawa perubahan sosial dan corak persembahan seni visual kontemporari di Malaysia. Sepertimana yang dikatakan oleh Koh (2016) bahawa pendekatan yang dipilih dalam projek keterlibatan bersama komuniti mampu mempengaruhi dan mengubah naratif masyarakat secara radikal dan pendekatan-pendekatan serta kerangka kerja ini telah mulai diperdebatkan dan menjadi sangat rancak.

Bab 04: Potensi Dan Peluang Dalam Ko-Kreasi Seni

Mohamad Faizuan Mat


Merujuk kepada model, kerangka kerja atau teori yang telah diuraikan dalam bab 3. Bidang seni visual hari ini, boleh dianjak dan berubah sekiranya pemain-pemain industri mengaplikasikan model dan kerangka yang sesuai. Keadahan ko-kreasi seni juga memberi impak besar kepada pelbagai pihak termasuk seniman, komuniti, institusi dan pemegang taruh yang lain. Dalam konteks seni kontemporari, ko-kreasi telah muncul sebagai pendekatan yang progresif yang mengutamakan kerjasama antara pelbagai pihak dalam menghasilkan pameran mahupun karya seni yang lebih inklusif, bermakna dan relevan. Keadahan ko-kreasi seni juga meningkatkan nilai sosial dan budaya, model perniagaan baharu dalam bidang seni yang tidak hanya menjurus kepada produk akhir tetapi juga penekanan kepada perkhidmatan yang boleh seni tawarkan kepada pengguna, kecanggihan dan kerancakkan teknologi hari ini boleh memberi kelebihan kepada kaedah ko-kreasi dan seni, pendidikan dan pengembangan bakat juga boleh dicungkil melalui kaedah ko-kreasi.

Pengkaryaan dalam kancah seni di Malaysia masih lagi tertumpu kepada aspek formalistik yang akhirnya penonton disajikan dengan nilai estetika semata-mata berbanding dialog, kritikan seni ataupun berkonteks proses dan perjalanan makna. Penghasilan karya di Malaysia masih tertumpu kepada aspek formalistik dan bersifat eksklusif. Lantaran itu, aspek apresiasi seni masih lagi dalam keadaan senilias atau tidak menaekasikan periorngian pengalaman estetika bersama penonton. Konsep ko-kreasi seni ini menawarkan elemen kolaborasi dan kerjasama di antara seniman dan juga penonton (komuniti), yang mana ianya akan mewujudkan dialog dan apresiasi seni yang dua hala. Sharmin (2019) menyatakan bahawa kolaborasi dan kerjasama boleh menggerakkan konteks pengkaryaan luar galeri untuk Malaysia menuju ke arah yang lebih baik. Perkara ini sekiranya dibarengi oleh pihak Ekasa Seni Negara apabila mereka memperkatakan tema 'Seni di Lokasi' pada edisi Pertandingan Bakti Muda Sezamam (BMS) 2019 yang telah memperlihatkan usaha ke arah kolaborasi dan penglibatan komuniti.

Walaupun bagaimanapun, pemenuhan-pemenuhan siri BMS semarak itu masih belum lagi menawarkan pendekatan atau kerangka kerja yang sesuai dengan tema tersebut. Perkara yang perlu diingati dan diperkatakan adalah pendekatan atau kerangka kerja dalam menghadapi serta menyentusi 'lokal', 'komuniti', 'alam sekitar' atau apa sahaja 'hal benda' yang mempunyai kaitan dengan tema yang

ditetapkan. Justeru itu, buku ini sedikit sebanyak memberikan harapan dan tawaran akan terdapatnya pendekatan dan kerangka kerja yang boleh dicontohi. Konsep ko-kreasi seni ini telah kami perkenalkan dengan penyertaan karya pada siri BMS 2019. Pada tahun 2019, BMS edisi ke-25, terdapat beberapa karya yang menggunakan seni penyertaan dan ko-kreasi. Karya 'The Parade of the Usungang' dalam pameran BMS 2019 oleh Mohd Bahri Ahmad dan Mohamad Faizuan Mat telah meneroka penggunaan kaedah ko-kreasi dalam mengingati ansian budaya peranakan Usungang di kawasan pesisir Sarawak.

Mat (2020) menyatakan bahawa karya ini adalah hasil daripada dua tahun penyelidikan yang menerangkan konsep ko-kreasi apabila ketua projek membawa rakan-rakan penyelidik lain yang terdiri daripada pelukis, jurangambar, pengaji, juru video untuk membantu masyarakat pesisir ini mendokumentasikan rakan Usungang, membantu mereka dalam lakaran awal, membantu dari segi kewangan kepada keluarga memulakan untuk membina Usungang dan menawarkan khidmat nasihat dalam pemilihan bahan-bahan untuk penghasilan Usungang. Akhirnya, hasil daripada kajian ini telah menemui elemen kerjasama dan kolaborasi orang kampung dapat memberikan hasil yang sangat baik dari segi apresiasi seni dan perkongsian pengalaman estetika. Ko-kreasi pada pengertian mereka adalah nilai 'gotong royong' atas tinggi dalam kalangan masyarakat yang mewujudkan keasrahan kejiwaan dan setiwakawan.



Karya 'The Parade of the Usungang' oleh Mohamad Faizuan Mat dan Mohd Bahri Ahmad, 2019.

Inovasi Melalui Kolaborasi: Peluang Dalam Dunia Seni Kontemporari

Elemen utama dalam kaedah ko-kreasi adalah kolaborasi. Penerapan kaedah ko-kreasi dalam setiap projek dan usaha sama keterlibatan dengan pelbagai pihak boleh menawanakan inovasi baharu. Peluang dan ruang yang terbuka luas dalam dunia seni kontemporari hari ini untuk melakukan inovasi terhadap karya, pameran dan gerakan seni akan muncul melalui kolaborasi dan kerjasama. Kerjasama di antara seniman, komuniti, organisasi dan institusi memainkan peranan penting dalam memacu inovasi ke arah matlamat yang dikongsi bersama. Di sini, maka akan wujud kekuatan dalam kancah seni kontemporari kerana ianya bergerak atas dasar usaha sama dan berkongsi visi dan misi. Dalam era globalisasi dan digital (maya), peluang untuk menghasilkan seni atau pameran menjadi lebih dinamik, bermakna dan boleh pergi ke atas yang lebih tinggi melalui kolaborasi. Salah satu peluang utama dalam inovasi seni kontemporari adalah kolaborasi antara seniman dan komuniti.

Dalam konteks ini, seniman tidak lagi berfungsi sebagai seniman tetapi lebih kepada fasilitator dan melibatkan komuniti dalam usahabasa secara aktif dalam proses kreatif mereka. Seniman juga seharusnya merencanakan sikap inklusif dan tidak membezakan diri mereka sebagai elit berbanding komuniti. Kolaborasi ini juga akhirnya akan menghasilkan karya atau pameran seni yang mencerminkan nilai ko-kreasi, berakar pada realiti sosial, lokal dan komuniti, identiti dan komuniti, aspirasi komuniti dan lain-lain lagi yang lebih relevan berbanding romantisme seniman dalam vakum kedua tersebut. Sebagai contoh, mural-mural yang selalunya dihasilkan oleh seniman secara individu atau kolektif seni berubah kepada penglibatan komuniti secara menyeluruh. Komuniti disatukan dalam proses kreatif dari awal lakaran hingga ke hasil akhir. Program seperti ini tidak hanya meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu sosial, mengubah landskap fizikal dan sosial sesebuah kawasan tetapi juga menangkan rasa keadilan, rasa kepunyaan dan pemilihan bersama dalam kalangan komuniti.

Sudah pasti, mural tersebut akan terajua dan terpelihara kerana komuniti sentiasa akan ada di sana untuk memastikan hasil karya mereka terajua. Selain dari itu, kolaborasi antara disiplin juga ditaklukkan

dalam konsep ko-kreasi ini. Proses kolaborasi dalam seni kontemporari melalui ko-kreasi bukan sahaja terhad kepada artis visual tetapi juga merangkumi pelbagai disiplin lain seperti teknologi, sains, budaya dan lain-lain. Inovasi sering berlaku dan terotus apabila pelbagai disiplin diketemukan.

Contohnya, kolaborasi antara seniman dan ahli sains dalam projek seni biologi, di mana organisme hidup digunakan sebagai subject-matter untuk mencipta karya seni. Kerjasama ini akan mewujudkan inovasi dalam bioteknologi untuk menghasilkan pengalaman visual yang unik samada ianya dipersembahkan melalui medium konvensional atau media baharu. Sudah pastinya, banyak lagi disiplin lain yang berpotensi untuk berkolaborasi dengan seni. Ini adalah satu cabaran untuk pengamal seni untuk mempraktikannya atau pun tidak.

Kaedah ko-kreasi juga tidak terlepas dari penggunaan teknologi dalam seni. Perkembangan teknologi atau kecanggihan digital hari ini membuka peluang yang lebih luas untuk kolaborasi seni. Landasan maya seperti media sosial, aplikasi kreatif dan ruang maya telah membolehkan seniman berinteraksi secara langsung dengan penonton dan peminat. Tidak hanya itu, mereka boleh memanfaatkan input dari landasan maya ke dalam karya yang lebih kreatif. Contohnya, penggunaan *Augmented Reality (AR)* dan *Virtual Reality (VR)* yang membolehkan penonton mengalami seni dalam ruang tiga dimensi, empat dimensi dan lain-lain lagi dan boleh dijejajahi secara maya. Kapanlagi juga kolaborasi digital oleh mereka yang berada di dalam bidang *Information Technology (IT)* dan seniman boleh mewujudkan kolaborasi bersama mereka.

Memandangkan ko-kreasi sememangnya wujud di dalam disiplin perhaseran, sudah pasti peluang perhaseran seni melalui kolaborasi korporat boleh dilakukan. Kolaborasi antara seniman dan syarikat korporat juga membuka peluang kerjasama dalam dunia seni kontemporari. Syarikat-syarikat besar kini semakin berminat untuk bekerjasama dengan artis dalam menghasilkan produk yang menggabungkan unsur estetika seni, sekaligus memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan mereka. Sebagai contoh, kolaborasi artis terkenal seperti Yayoi Kusama dengan jenama fesyen terkemuka Louis Vuitton yang menghasilkan koleksi fesyen gabungan elemen seni avant-garde dengan produk fesyen mewah.

Bab 05: Pelancongan Kreatif Dan Konsep Ko-Kreasi

Mohd Fahmi Yahya

Pengenalan

Pelancongan kreatif telah didefinisikan sebagai satu bentuk pelancongan yang memberi pengunjung peluang untuk mengembangkan potensi kreatif mereka melalui penyertaan aktif dalam kursus dan pengalaman pembelajaran semasa bercuti (Wang et al., 2020). Konsep ini merupakan lanjutan daripada konsep pelancongan budaya namun lebih berkaitan rapat dengan segmen kreatif (Carvalho et al., 2019). Pelancongan kreatif menarik pelancong yang mencari pengalaman berkualiti tinggi dan terlibat secara aktif dalam aktiviti pelancongan, berbanding sekadar menjadi pemerhati pasif dalam proses kreatif. Dengan memupuk hubungan yang lebih erat antara pengunjung, komuniti, dan penyedia perkhidmatan tempatan melalui konsep ko-kreasi, pelancongan kreatif berpotensi untuk mengubah paradigma pelancongan sedia ada kepada satu rangka kerja yang lebih mampan.

Dalam lanskap bandar Malaysia, pusat-pusat kreatif seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Ipoh, dan Johor Bahru telah muncul sebagai hab inovasi dan ekspresi budaya yang penting. Bandar-bandar ini bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penerokaan seni, tetapi juga sebagai ekosistem dinamik apabila artis, pereka, dan pengendali pelancongan berkolaborasi untuk mencipta pengalaman unik dan bermakna. Kolaborasi ini bukan sahaja mempromosikan warisan budaya Malaysia tetapi juga menawarkan peluang pengalaman seni dan budaya yang autentik (Khoz, Lim & Nurwati Badruzaman, 2023). Pengaruh populasi berbilang etnik di Malaysia memainkan peranan penting dalam perkembangan pelancongan kreatif. Kepekaan budaya, perayaan, dan bentuk seni di Malaysia telah dijadikan aset utama dalam strategi pasaran pelancongan global. Sebagai contoh, Pasar Seni di Kuala Lumpur berfungsi sebagai landasan utama apabila seni tradisional dan kontemporari disatukan, memberikan peluang kepada pelancong dan penduduk tempatan untuk berinteraksi dengan karya-karya yang mencerminkan kepelbagaian budaya Malaysia (Towollu, Permama & Sangari, 2020). Pendekatan ini bukan sahaja memacu pertumbuhan pelancongan warisan dan kreatif tetapi juga menentukan arah pembangunan pelancongan negara.

Pengiktirafan Antarabangsa dan Promosi Industri Kreatif Malaysia

Industri kreatif Malaysia semakin mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui pemanfaatan landskap dan tapak budaya sebagai lokasi penggambaran untuk produk filem global. Kejayaan ini bukan hanya melibatkan aspek seni dan budaya, tetapi juga membuka peluang yang

lebih luas dalam sektor ekonomi dan pelancongan negara. Contoh yang paling menonjol adalah apabila Marvel Studios dan Walt Disney memilih Medan Pasar dan Menara Warisan Merdeka (No. 118) sebagai lokasi penggambaran filem *Thunderbolts*. Pilihan ini mencerminkan keyakinan pengeluar filem terkenal terhadap potensi dan keunikan lokasi di Malaysia. Pemilihan tapak seperti Medan Pasar, yang terkenal dengan warisan sejarahnya, dan Menara Warisan Merdeka, sebagai simbol kemodernan dan kemajuan, menunjukkan kebolehan Malaysia dalam menawarkan latar belakang visual yang pelbagai dan menarik. Pengiktirafan seperti ini tidak hanya meningkatkan visibiliti Malaysia di peringkat global tetapi juga menjadikannya destinasi pilihan bagi pembuat filem antarabangsa. Apabila filem yang dirakam di Malaysia ditayangkan di seluruh dunia, ia turut mempromosikan lokasi-lokasi tersebut sebagai destinasi pelancongan. Pemain industri filem dan pelancong dari seluruh dunia tertarik untuk melawat tempat-tempat yang dipaparkan dalam filem popular ini, menjadikan Malaysia sebagai lompatan dalam industri pelancongan kreatif.

Promosi lokasi penggambaran ini bukan sahaja menguntungkan dari sudut kehadiran kru penggambaran tetapi juga membawa masuk penonton filem dan pelancong yang ingin mengalami secara langsung tempat-tempat yang dipaparkan dalam filem. Ini secara langsung meningkatkan pendapatan pelancongan, di mana pelancong pelancong ini akan meluangkan masa dan wang mereka untuk melawat lokasi-lokasi yang menarik perhatian mereka melalui filem. Selain itu, pengiktirafan ini juga memperkukuhkan modal budaya Malaysia dengan memperkenankan warisan budayanya dan sejarah negara

97

Bab 06: Rumusan Tentang Perihal Ko-Kreasi Seni

Mohamad Faizuan Mat

Ko-Kreasi Seni dan Masa Hadapan

Secara keseluruhannya, ko-kreasi seni menawarkan pelbagai peluang dan potensi yang boleh mengubah landskap seni serta menghubungkannya dengan pelbagai aspek kerutorial, kebudayaan dan lain-lain lagi dengan lebih luas. Penerapan model atau kerangka kerja ko-kreasi seni adalah satu pendekatan transdisiplinari yang merentas pelbagai bidang. Projek seni komuniti yang sedang diusahakan di luar sana, boleh menjadikan ko-kreasi sebagai kerangka kerja atau model teori yang ditukarkan untuk melibatkan komuniti dengan lebih mendalam. Paling mustahak juga adalah penilaian sebelum, semasa dan selepas projek dijalankan atau salah satu daripadanya. Perkara ini menjadi sangat penting agar setiap projek yang dijalankan tidak terlihat seperti hanya 'melepas batuk di tangga' atau sebuah projek yang 'syok sendiri' tanpa ada huraiannya manfaat yang diperolehi samada dari sudut komuniti mahupun pengamal seni. Juga, yang harus diketahui adalah samada komuniti benar-benar setuju atau pun suka dengan projek-projek yang dijalankan di tempat mereka.



Selain itu juga, ko-kreasi seni diharapkan akan dikitar secara meluas sebagai katalis pembangunan sosial. Seni boleh digunakan untuk mengutarakan pelbagai isu-isu sosial seperti penglibatan komuniti secara komprehensif, pendidikan, kesihatan mental dan pemulihan pasca-bencana dalam konteks sosial, mental mahupun fizikal. Melalui pendekatan ko-kreasi seni, komuniti dapat berkongsi maklumat dan cerita, rasa, ekspresi dan apresiasi secara langsung dalam proses kreatif. Penerapan keadilan ko-kreasi seni memastikan proses seni kreatif itu berlaku bukan hanya bersebelah sahaja bahkan juga membawa impak sosial yang nyata. Hari ini, proses apresiasi seni tidak lagi bergantung pada ruang galeri semata-mata tetapi ianya telah beranjak ke ruang yang lebih luas sehingga mendasari komuniti secara keseluruhannya.

Dalam konteks pelancongan kreatif, pelancong semakin menghargai pengalaman budaya yang asli dan interaktif serta tertarik kepada bentuk seni yang dicipta bersama komuniti. Di Malaysia, sebagai contoh, program pelancongan kreatif boleh memfokuskan kepada pameran seni komuniti di mana pelancong bukan sahaja melihat karya seni tetapi juga terlibat dalam proses penciptaan. Pengalaman ini menawarkan pelancong kepada hubungan yang lebih mendalam dengan budaya setempat, serta membina menyokong ekonomi tempatan melalui seni. Seniman sudah mulai beranjak dari zon kesesakan kepada sesuatu yang lebih inklusif dan kolektif. Sesuatu visi yang ingin dicapai tidak akan dapat dijayakan dengan hanya bekerja sendirian.

Ko-kreasi seni telah memperlihatkan potensi untuk mendorong pertumbuhan dalam sektor ekonomi kreatif dan pelancongan kreatif. Dalam dunia pelancongan hari ini, pengalaman unik adalah sesuatu yang dicari-cari. Pelancong sudah mula berminat dalam bentuk-bentuk seni yang menghubungkan mereka dengan budaya tempatan. Sebagai contoh, *Rainforest World Music Festival (RWMF)* di Kuching, Sarawak telah menjadi festival utama yang membawa masuk ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

Pada tahun 2024, seramai lebih 26,000 pengunjung dan terdapat peningkatan dari tahun sebelumnya. Perkara ini juga dilihat atas faktor kolaborasi yang tinggi, elemen budaya dan keunikan programnya.

Melalui ko-kreasi seni, seniman dan komuniti boleh bersama-sama mencipta projek yang menjadi tarikan pelancongan kreatif. Projek seni komuniti ini boleh menjadi pengalaman interaktif yang memperkayakan pengalaman pelancong, sekaligus memberikan manfaat ekonomi kepada masyarakat setempat. Kejayaan seumpama ini sudah tentu didasari oleh konsep atau kerangka kerja yang dipraktikkan dalam pelaksanaan sesuatu projek.

Selain satu model yang relevan untuk masa depan ko-kreasi seni ialah model penciptaan bersama yang dikemukakan oleh Prahalad dan Ramaswamy (2004). Model ini menekankan bahawa nilai dicipta melalui interaksi antara pengeluar dan pengguna, di mana kedua-dua pihak memainkan peranan aktif dalam membentuk produk atau hasil akhir. Dalam konteks seni, seniman dan komuniti dilihat sebagai 'rakan kongsi' yang bersama-sama mencipta nilai seni. Pengamal seni yang ingin menggunakan pendekatan ini hanya perlu melihat 'pengeluar - seniman' dan

122

Penghargaan

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Balai Seni Negara atas kesudian mencetak dan sekaligus menjadi penerbit buku ini. Ucapan terima kasih juga kepada seluruh warga Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak dan geran penyelidikan Kursi P. Ramlee (F03/PRC/1937/2019) atas sokongan dan dorongan yang tidak terhingga. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan yang tulus kepada Profesor Madya Hasnul Jamal Saidon di atas nasihat, teguran dan ilmu sepanjang penulisan ini dijalankan. Begitu juga terima kasih saya kepada penulis bab, pereka grafik, komuniti, dan semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses menghasilkan buku ini.

Kepada rakan-rakan sekerja dalam bidang seni dan industri kreatif, saya mengucapkan terima kasih atas pandangan, cadangan, dan perbincangan kritis yang banyak membentuk idea-idea dalam buku ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada penyelidik dan ahli akademik yang telah menyumbangkan pemikiran mereka tentang teori, model, dan kerangka kerja ko-kreasi. Sumbangan intelektual anda telah menjadi sumber inspirasi yang sangat berharga. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang mendalam kepada keluarga dan rakan-rakan saya atas sokongan dan kefahaman yang tidak berbelah bahagi sepanjang proses penulisan ini. Kepercayaan anda kepada saya memberikan kekuatan untuk terus maju walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, dan saya amat berterima kasih untuk itu.

Ko-Kreasi Seni: Perihal



Dr. Mohamad Faizuan Mat merupakan seorang pensyarah kanan di Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau mendapat Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 2024 dengan kajian yang bertajuk Penggunaan Kaedah Penciptaan Seni Bersama dalam Keterlibatan Komuniti Untuk Meningkatkan Kualiti Kesejahteraan Sosial di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia di bawah seliaan Profesor Madya Hasnul Jamal Saidon. Manakala, di peringkat Ijazah Sarjana beliau telah bergraduat pada tahun 2012 dalam bidang Pengajian Rekabentuk Berintegrasi di bawah seliaan Encik Nasir Baharuddin di Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia.

Kepakaran beliau menjuruskan kepada kaedah ko-kreasi seni, keterlibatan komuniti, kuratorial dan seni visual. Beliau telah menerbitkan lebih dari 50 artikel di jurnal akademik, buku, bab dalam buku, majalah dan lain-lain. Pada 2015 - 2017, beliau telah dipilih untuk mewakili Malaysia dalam program CuratorsLAB di bawah anjuran Goethe-Institut Indonesien, Institut Teknologi Bandung, PORTIKUS dan Städelschule Frankfurt am Main, di Jerman dalam siri bengkel dan latihan bidang kuratorial di Asia Tenggara.

ISBN 978-967-0914-64-0

